



TEKS UCAPAN

**YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA**

**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN
MESYUARAT PERSIDANGAN PERWAKILAN
TRI-TAHUNAN CUEPACS NEGERI MELAKA
SESI 2022-2025**

TARIKH: 25 SEPTEMBER 2012 (AHAD)

JAM: 2.30 PETANG

**DI AUDITORIUM SERI NEGERI, AYER KEROH, MELAKA
(WAKIL: YB DATUK WIRA ZAIDI BIN JOHARI)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ أَمَا بَعْدُ

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Keluarga Malaysia dan
Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia,
Menggamit Dunia.**

Terima kasih pengacara majlis;

**YBhg. Dato' Haji Adnan bin Mat,
Presiden CUEPACS;**

**YBrs. Encik Abdul Rahman bin Nordin,
Setiausaha Agung CUEPACS;**

**YBrs. Encik Norman bin Haji Taib,
Pengerusi CUEPACS Negeri Melaka merangkap
Pengerusi Anulae Cawangan Negeri Melaka;**

**Barisan Pegawai & Ahli Jawatankuasa CUEPACS
Negeri Melaka;**

**Presiden/Pengerusi Kesatuan-kesatuan Gabungan
CUEPACS Negeri Melaka;**

Para perwakilan dan pemerhati, dif-dif jemputan;

Seterusnya Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, maka kita dapat berkumpul bersama-sama di Mesyuarat Persidangan Perwakilan Tri-Tahunan CUEPACS Negeri Melaka bagi sesi 2022-2025 pada petang ini.

2. Bagi pihak YAB Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Haji Sulaiman bin Md Ali, saya mengambil kesempatan ini mengalu-alukan kehadiran YBhg. Dato' Haji Adnan bin Mat, Presiden Kongress Kesatuan Pekerja-pekerja di dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) dan mengucapkan terima kasih kepada barisan pegawai dan Ahli Jawatankuasa CUEPACS Negeri Melaka yang mengundang saya mewakili YAB Ketua Menteri, seterusnya menyempurnakan Mesyuarat Persidangan Perwakilan Tri-Tahunan CUEPACS Negeri

Melaka bagi Sesi 2022-2025.

3. Saya juga ingin menyampaikan salam takzim daripada YAB Ketua Menteri, kerana tidak dapat bersama semua di majlis ini, disebabkan ketentuan lain yang telah diatur terlebih dahulu dan tidak dapat dielakkan. Walau bagaimanapun, YAB Datuk Seri Utama berharap agar mesyuarat ini berjalan dengan lancar dan sempurna.

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

4. Sebagai penjawat awam, kita harus menyedari bahawa cabaran kerja pada masa kini amat berbeza berbanding cabaran pada masa lalu.

5. Kini, rakyat atau pemegang taruh (*stakeholders*) semakin hari semakin menuntut perkhidmatan yang lebih cepat, cekap, telus dan efektif. Justeru, kita perlu melaksanakan tugas dan amanah tersebut dengan penuh tanggungjawab dan berkesan.

6. Bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya berharap warga penjawat awam Negeri Melaka dapat sentiasa memberikan perkhidmatan yang cemerlang kepada rakyat bagi memenuhi keperluan dan aspirasi mereka.
7. Kita harus terus melengkapkan diri dengan kemahiran terkini (**emerging skills**) bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan relevan dan berkualiti kepada rakyat.

8. Selain daripada ilmu dan kemahiran yang terkini, kita juga perlu mempunyai sikap positif, proaktif dan responsif di mana kecekapan kita mengendali sesuatu urusan akan dinilai pada pandangan orang awam sekeliling.

Hadirin dan hadirat sekalian,

9. Kepentingan peranan dan sumbangan CUEPACS kepada pembangunan negara khususnya di Negeri Melaka telah lama diiktiraf oleh kerajaan. Tidak dinafikan, CUEPACS juga merupakan tiang seri negara.

10. Ahli-ahli CUEPACS yang terdiri daripada wakil-wakil kesatuan gabungan iaitu penjawat awam yang merupakan pemangkin kejayaan agenda transformasi kerajaan. Malah mereka adalah rakan perkhidmatan awam yang berupaya membantu kerajaan dalam usaha meningkatkan kesedaran rakyat di peringkat akar umbi.

11. Gerakan Kesatuan Sekerja seperti CUEPACS juga hendaklah seiring dengan matlamat untuk memastikan kebajikan ahli-ahli atau penjawat awam diutamakan

12. Saya difahamkan terdapat **36** Kesatuan Gabungan CUEPACS Negeri Melaka dari pelbagai Jabatan/Kementerian Persekutuan, negeri, PBT dan badan berkanun yang bergerak aktif.

13. Harapan saya agar semua pemimpin dan ahli-ahli yang ada ini dapat berganding bahu mencapai kata sepakat memperkukuhkan lagi pencapaian dan hala tuju CUEPACS di masa akan datang.

14. Saya juga berharap agar lebih banyak aktiviti yang bakal dianjurkan pada tahun hadapan dengan memberikan tumpuan kepada peningkatan kepimpinan ahli, baik dalam urusan kerjaya mahupun keluarga serta aktiviti yang memberikan manfaat kepada ahli dalam konteks perkhidmatan awam di samping menjaga kebajikan mereka.

15. Akhir kata, semoga CUEPACS Negeri Melaka akan terus berkembang maju dan sejahtera. Dengan lafaz kalimah suci Bismillahirrahmanirrahim, saya mewakili YAB Ketua Menteri dengan inimerasmikan Mesyuarat Persidangan Perwakilan Tri- Tahunan CUEPACS Negeri Melaka bagi Sesi 2012-2025

Sekian, terima kasih dan selamat bersidang.

